

## **PEMIKIRAN SYEIKH ‘ALĪ JUM‘AH DALAM MANHAJ PEMFATWAAN: SATU SOROTAN AWAL**

### **Sheikh ‘Alī Jum‘ah’s Thoughts in Fatwa Method: A Preliminary Review**

**Wan Ahmad Zuhairi Bin Yaacob<sup>1</sup>**  
**Luqman Bin Haji Abdullah<sup>2</sup>**  
**Syed Mohd Jeffri Bin Syed Jaafar<sup>3</sup>**

#### **ABSTRACT**

*Fatwa is an explanation regarding the determination of a syariah law issued by an individual who has the authority over it. Fatwas need to be implemented seriously and systematically to preserve the validity of laws that achieve maqāsid al-shari‘ah (objectives of shari‘ah). To answer a current question, a fatwa that wants to be issued must be based on an accurate understanding of the text and a perfect knowledge of the real world. However, some of the fatwas issued by him have sparked controversy in the discourse of syariah law. Therefore, this study aims to look at the*

<sup>1</sup> Corresponding Author. Master Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, fatehazhariy858@gmail.com

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, luqmanabdullah@um.edu.my

<sup>3</sup> Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, syedjeffri89@um.edu.my

*methodology and the process of fatwa issuance initiated by Sheikh 'Alī Jum'ah. This study uses a qualitative method approach, which is by analyzing data and information collected from various sources, including Sheikh 'Alī Jum'ah's writings, the works of past and contemporary scholars, journals, and websites. Generally, the study found that the methodology and fatwa issuance process practiced by Sheikh 'Alī Jum'ah is not different from what other Islamic scholars have articulated. However, a series of his approaches have resulted in different legal answers and may bring about controversy in Islamic legal discourse.*

**Keywords:** reformation, thought, fatwa, 'Alī Jum'ah

## PENDAHULUAN

Perubahan landskap kehidupan manusia menjadi faktor utama yang mendarangkan pelbagai isu-isu terbaru yang belum ditentukan penyelesaiannya secara spesifik sama ada di dalam al-Qur'an maupun al-Sunnah. Hal itu menuntut kepada kebijaksanaan para fuqaha khususnya mufti bagi mendapatkan solusi hukum yang selari dengan tuntutan semasa.

Dalam memelihara *maqāṣid sharī'ah* (objektif pensyariatan), sumber rujukan agama Islam diadaptasi dengan melihat kepada suasana dan perkembangan kehidupan manusia. Segala peralihan berupa kemajuan, mestilah diselarikan dengan roh Islam. Rentetan itu, para cendekiawan Islam kontemporari menekankan mengenai keperluan-keperluan primer sebagai kriteria asas bagi menjayakan pengalaman syariat Islam. Yūsuf al-Qaraḍāwī menggariskan beberapa perkara berikut<sup>4</sup> :

1. Keperluan memperkasakan ijtihad hukum sebagai solusi kepada tuntutan umat Islam semasa.
2. Kembali kepada ajaran agama secara holistik dan bukan sahaja dengan mengambil separuh atau sebahagian hukum sahaja.
3. Permasalahan dalam negara dan masyarakat dianggap sebagai cabaran. Hal ini bagi mendaulatkan Islam sebagai tonggak kehidupan umat Islam.

<sup>4</sup> Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fatwā Mu'āşirah* (Bayrūt, Lubnān: al-Maktab al-Islāmī, 2000), 273-293.

Menelusuri perkembangan semasa, dunia Islam dihidangkan pelbagai permasalahan baru. Permasalahan ini timbul bertitik-tolak dari kemajuan teknologi dan komunikasi, kemodenan pengangkutan serta dinamika perundangan. Perubahan-perubahan berskala besar ini telah berlaku sekitar tahun 1830 hingga 1930 sehingga merubah landskap kehidupan manusia dari pelbagai sudut. Kesan daripada itu, apabila wujud sesuatu permasalahan yang melibatkan syariat, maka penentuan hukum menjadi suatu solusi bagi menyelesaikan permasalahan yang berbangkit. Para ulama menamakan penentuan hukum ini sebagai fatwa. Mengenai urusan pemfatwaan, pelaksanaannya akan dijalankan oleh individu berautoriti yang mampu memahami rujukan autentik dalam Islam seperti al-Qur'an, al-Sunnah, teks-teks para ulama serta menghubungkannya dengan realiti kehidupan semasa.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Instrumen ijтиhad dan fatwa adalah kombinasi penting bagi menentukan hukum baru yang lebih kompleks di masa depan buat para sarjana semasa. Salah seorang sarjana kontemporari yang memiliki gagasan dalam upaya pembinaan hukum Islam yang seiring dengan dinamika perubahan zaman adalah Syeikh ‘Alī Jum‘ah. Beliau merupakan mantan Mufti Republik Arab Mesir yang menjawat jawatan ini selama 10 tahun iaitu sekitar tahun 2003 sehingga 2013. Syeikh ‘Alī Jum‘ah dikenali aktif dan berpengaruh dalam perkembangan intelektual Islam. Pemikirannya dinyatakan dalam pelbagai karya penulisan dan dinyatakan dalam banyak majlis pengajian. Kewibawaan ini yang menjadikan beliau diangkat sebagai 20 figura Muslim paling berpengaruh di dunia<sup>5</sup>.

Selama Syeikh ‘Alī Jum‘ah bergelar sebagai seorang mufti, beliau telah mengeluarkan banyak fatwa merentasi bidang syariah sama ada ibadat, munakahat, muamalat atau jenayah. Meskipun fatwa adalah tidak mengikat dari segi undang-undang, namun fatwa tetap mempengaruhi kehidupan bermasyarakat. Bahkan sesetengah fatwa beliau dijadikan amalan oleh syarikat-syarikat korporat dalam menjalankan perniagaan, manakala dari segi metodologi fatwa beliau dijadikan panduan dalam proses istinbat hukum. Namun begitu, sebahagian fatwa beliau, mungkin berbeza dengan fatwa yang dikemukakan oleh para sarjana Islam lain. Bahkan, ada di antara fatwa beliau yang menimbulkan kontroversi dan perselisihan dalam

<sup>5</sup> The Royal aal al-Bayt Institute for Islamic Thought, *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslim 2023* (Amman: The Institute, 2022), 88.

wacana hukum Islam, contohnya hukum faedah bank<sup>6</sup>, hukum jual beli minuman keras di negara non-muslim<sup>7</sup>, hukum keharusan insurans<sup>8</sup> dan sebagainya. Dalam penulisan ini, pengkaji membuat sorotan mengenai metode pemfatwaan yang digunakan Syeikh ‘Alī Jum‘ah.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan dua metode kajian yang sistematik terdiri daripada metode pengumpulan data dan metode analisis data. Bagi metode pengumpulan data, ia dilakukan dengan meneliti secara terperinci dan komprehensif terhadap penulisan Syeikh ‘Alī Jum‘ah sendiri, hasil karya para sarjana silam dan kontemporari, jurnal-jurnal dan laman sesawang. Setelah semua data dikumpul, ia diolah dan dianalisis menggunakan pakaian kaedah analisis-kualitatif. Kaedah ini adalah proses penelitian yang akan menghasilkan data deskriptif yang menjelaskan pemikiran Syeikh ‘Alī Jum‘ah dalam pemfatwaan.

## KONSEP PEMFATWAAN

Bahagian ini menceritakan secara ringkas mengenai konsep pemfatwaan yang dimaksudkan oleh para sarjana Islam. Konsep pemfatwaan ini merangkumi perbahasan yang terkait dengan definisi fatwa dan metodologinya.

### 1. Definisi Fatwa

Secara umumnya, fatwa bermaksud kenyataan tentang hukum Allah oleh seseorang mufti<sup>9</sup>. Manakala mufti pula adalah individu yang memberi fatwa mengenai sesuatu masalah yang terkait dengan hukum syarak<sup>10</sup>.

<sup>6</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, *al-Kalim al-Tayyib: Fatāwā ‘Aṣriyyah*, cet. 5, vol. 1 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 1434H/2013M), 151.

<sup>7</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, *al-Kalim al-Tayyib: Fatāwā ‘Aṣriyyah*, cet. 2, vol. 2 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 1431H/2010M), 205-210.

<sup>8</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, ‘Apakah Hukum Insurans Takaful?’, *Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah*, [https://www.dar-alifta.org/ar/fataawa/11967/%D8%A7%D9%84%D8%AA%D9%83%D8%A7%D9%81%D9%84%D9%88-A](https://www.dar-alifta.org/ar/fataawa/11967/%D8%A7%D9%84%D8%AA%D8%A7%D9%85%D9%8A%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%AA%D9%83%D8%A7%D9%81%D9%84%D9%88-A), diakses 10 Julai 2024.

<sup>9</sup> Al-Qarāfi, *al-Furūq: Anwār al-Burūq fī Anwār’ al-Furūq*, cet. 1, vol. 4 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 1421H/2001M), 53.

Secara etimologi, perkataan fatwa berasal daripada perkataan bahasa Arab *fati'a* (فتی) dan *fatu'u* (فتؤ) iaitu bermaksud menjelaskan sesuatu kepada seseorang<sup>11</sup>. Berakar kata dari *al-fatwā* atau *al-futyā* tersebut, maka tersingkap masdar (kata terbitan) iaitu *al-iftā'*, yang bererti “memberi keterangan atau penjelasan”. Menurut Fairuzabadi, lafaz *al-futyā* atau *al-fatwā* dari segi bahasa merujuk kepada sesuatu keterangan seorang faqih, sementara *al-iftā'* dari segi bahasa bererti keterangan mengenai sesuatu perkara. Justeru itu, apabila seseorang Arab berkata “أفتى العالم”， maka ia bererti seorang yang luas pengetahuan menerangkan jawapan mengenai sesuatu hukum<sup>12</sup>. Menurut Ibn Manzūr, meskipun lafaz fatwa dan *futyā* membawa maksud yang sama, namun lafaz fatwa adalah lebih banyak digunakan<sup>13</sup>.

Fatwa dibahaskan secara terperinci dalam kitab-kitab usul fiqh, dan para ulama usul telah memberi takrifan sebagaimana berikut:

- a) Al-Qunāwī al-Ḥanafī menjelaskan, fatwa adalah menyebutkan pertanyaan hukum yang diajukan oleh penyoal<sup>14</sup>.
- b) Al-Qarāfi al-Mālikī menyebutkan, fatwa adalah menjelaskan hukum Allah sama ada pada yang mesti atau harus<sup>15</sup>.
- c) Al-Buhūtī al-Ḥanbalī menyatakan, fatwa adalah penjelasan hukum syarak kepada sesiapa yang mengajukan soalan kepadanya<sup>16</sup>.
- d) Kata al-Shawkānī, fatwa adalah hasil yang didapati dari ijtihad<sup>17</sup>.

<sup>10</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'īn*, vol. 4 (Qāhirah, Miṣr: Maṭba‘ah al-Nahḍah al-Jadīdah, 1968), 175.

<sup>11</sup> Al-Malāḥ, Sheikh Ḥusayn Muḥammad, *al-Fatwā: Nash'atuhā wa Taṭawuruhā Uṣūluhā wa Taṭbīqatuhā* (Bayrūt, Lubnān: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2009), 25.

<sup>12</sup> Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr* (Qāhirah, Miṣr: Mū’assasah al-Mukhtār, 2008), 4.

<sup>13</sup> Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram, *Lisān al-‘Arab*, vol. 15 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Šādir, 1968), 475.

<sup>14</sup> Al-Qūnawī al-Ḥanafī, Qāsim bin ‘Abd Allāh, *Anīs al-Fuqahā’ fī Ta'rīf al-Alfāz al-Mutadāwilah bayn al-Fuqahā’*, cet. 1 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004M/1424H), 319.

<sup>15</sup> Al-Qarāfi, *al-Furūq: Anwār al-Burūq fī Anwā’ al-Furūq*, 53.

<sup>16</sup> Al-Buhūtī, Maṇṣūr bin Yūnus, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt al-Musammā Daqāq’iq Ūlī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā*, vol. 3 (Bayrūt, Lubnān: Mū’assasah al-Risālah Nāshirūn, 1421H/2000M), 483.

<sup>17</sup> Al-Shawkānī, *Irshād al-Fuhūl ilā Taḥqīq al-Haqq min ‘Ilm al-Uṣūl*, cet. 4 (Bayrūt, Lubnān: Dār Ibn Kathīr, 1432H/2011M), 443.

- e) Menurut Wahbah al-Zuhaylī, fatwa adalah keterangan oleh seorang mufti terhadap sesuatu isu yang timbul setelah dikemukakan kepadanya<sup>18</sup>.
- f) Menurut Taqī al-‘Uthmānī pula, rentetan dari peranan mufti yang menjelaskan semua bentuk hukum syarak termasuk isu-isu akidah, maka fatwa ditakrifkan sebagai keterangan bagi masalah agama<sup>19</sup>.

Berasarkan definisi fatwa yang dinyatakan di atas, maka dapat dirumuskan beberapa kriteria-kriteria tertentu yang mencerminkan hakikat fatwa itu sendiri:

- a) Fatwa adalah sebuah bentuk penjelasan.
- b) Penjelasan yang dikemukakan adalah terkait dengan syarak yang berhasil dari lapangan ijтиhad.
- c) Individu yang memberikan penjelasan adalah seorang yang berkeahlian dan berautoriti dalam wacana hukum.
- d) Penjelasan tersebut diutarakan kepada orang yang bertanya mengenai sesuatu isu atau permasalahan.

Menerusi kriteria-kriteria fatwa yang dinyatakan tadi, maka secara tidak langsung dapat dikeluarkan juga empat rukun bagi pemfatwaan:

- a) **Iftā’:** Usaha atau proses penjelasan hukum syarak.
- b) **Mufti:** Individu berkeahlian dan berautoriti yang menjalankan proses pemfatwaan dan serta penjelasan hukum syarak.
- c) **Mustaftī:** Individu yang meminta fatwa dan penjelasan mengenai sesuatu permasalahan hukum yang timbul.
- d) **Fatwa:** Subjek atau penjelasan hukum yang disampaikan oleh mufti kepada *mustaftī*.

## 2. Metodologi Fatwa

Sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh mufti atau badan kefatwaan adalah berasaskan manhaj tertentu. Semenjak zaman Rasulullah SAW sehingga ke

<sup>18</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, cet. 1, vol. 2 (Dimashq, Sūriyah: Dār al-Fikr, 1406H/1986M), 1156.

<sup>19</sup> Taqī al-‘Uthmānī, Muḥammad, *Uṣūl al-Iftā’ wa Adābuhu* (Karātishī, Bākistān: Maktabah Ma‘ārif al-Qur’ān, 1432H/2011M), 12.

zaman kini, manhaj pemfatwaan<sup>20</sup> sudah wujud namun ia berbeza mengikut kesesuaian zaman<sup>21</sup>. Terdapat syarat-syarat yang harus dipenuhi secara keilmuan dan keimanan<sup>22</sup>. Sebagaimana yang dinukilkhan al-Baghdādī al-Khaṭīb<sup>23</sup> dari ucapan al-Shāfi‘ī, sebahagian dari syarat-syarat yang dinyatakan adalah:

- a) Memperhalusi kandungan al-Qur'an.
- b) Mengetahui kandungan ayat muḥkamāt dan mutashābihāt.
- c) Mengetahui kandungan ayat nasakh dan mansūkh.
- d) Memahami takwil dan tanzil, iaitu sebab kepada penurunan ayat al-Qur'an.
- e) Mengetahui selok-belok hadis Rasulullah SAW.
- f) Dapat membezakan pendapat ilmuan dari pelbagai aspek.

Menurut al-Nawawī<sup>24</sup>, kriteria penuh bagi seseorang mufti atau pemberi fatwa adalah Muslim, *mukallaf*, berkeperibadian dan jiwa kuat, individu dipercayai (*thiqah*), bebas dari sifat-sifat yang tercela, minda yang cerdas, berfikiran tajam, berkemampuan dalam mengistinbat hukum, sihat jasmani dan rohani dan beberapa lagi syarat yang lain. Mufti atau pemberi fatwa yang dimaksudkan dapat melakukan proses pengistinbatan hukum secara sendiri (*ijtihād fardī*) atau secara berkelompok (*ijtihād jamā‘ī*).

Menurut KH. Ma'ruf Amin<sup>25</sup>, salah satu kriteria berijtihad atau mengeluarkan fatwa adalah mesti berasaskan kepada manhaj. Penetapan

<sup>20</sup> Berpandukan dari manhaj pemfatwaan atau metode penentuan hukum inilah, hasil ijтиhad dari seseorang mufti dapat dijadikan panduan bagi *mustaftī* (peminta fatwa). Maksud manhaj pemfatwaan dalam hal ini adalah metodologi menerima, menganalisis dan menerapkan pengetahuan dalam pemfatwaan. Manhaj juga sering dimaksudkan sebagai kaedah-kaedah yang ditentukan bagi setiap kajian dan penyelidikan.

<sup>21</sup> Wan Mohd Khairul Firdaus Bin Wan Khairuldin, Metode Fatwa Sheikh ‘Ali Jum‘ah Dalam Kitab al-Kalim al-Tayyib-Fatawa ‘Asriyyah (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 133.

<sup>22</sup> Ibnu Elmi A.S. Pelu, ‘Kedudukan Fatwa Dalam Konstruksi Hukum Islam’, *El-Maslahah Journal*, vol. 9/2 (2019), 167-181.

<sup>23</sup> Al-Baghdādī al-Khaṭīb, *al-Faqīh wa al-Mutafaqqih* (Bayrūt, Lubnān: Dār Ibn Ḥazm, 2003), 103.

<sup>24</sup> Al-Nawawī, Muhyī al-Dīn Zakariyyā ibn Yahyā, *al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhab* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1988), 19.

<sup>25</sup> K.H. Ma'ruf Amin ialah seorang ilmuan kontemporari di Indonesia. Pada tarikh 11 Mac 1943, beliau telah dilahirkan di bandar Tangerang Banten.

fatwa tanpa manhaj, sama sekali dilarang oleh Islam. Selain daripada itu, sesuatu golongan yang mengeluarkan fatwa dengan hanya bertitik-tolak dari keperluan (*li hājah*), atau kemaslahatan (*li maṣlaḥah*), atau faham dangkal terhadap *maqāṣid sharī'ah* tanpa berpegang kepada nas-nas syarak, maka ini diklasifikasikan sebagai melampaui batasan (*ifrāt*). Namun di sudut yang lain, sesuatu kelompok yang terlalu rigid dan tekstual dalam memahami nas-nas syarak tanpa menghiraukan maslahat dan *maqāṣid sharī'ah* sehingga banyak isu baharu yang tidak terungkai, maka ini dikategorikan sebagai mengurangi batasan (*tafrīt*)<sup>26</sup>. Walhasil, selagi mana sesuatu fatwa itu berlebihan dalam meringankan atau memberatkan, maka ia boleh diklasifikasikan sebagai satu bentuk pelampauan. Ini bertepatan dengan kaedah *fiqh*, “*lā ifrāt wa lā tafriṭ*”, yang bererti tidak boleh melampaui batas dan tidak boleh mengurangi batas.

## PEMFATWAAN MENURUT SYEIKH ‘ALĪ JUM‘AH

Syeikh ‘Alī Jum‘ah mendefinisikan *al-iftā'* sebagai penerangan hukum syarak berasaskan nas terhadap individu yang bertanya<sup>27</sup>. Hakikat fatwa adalah sebuah jawapan yang berisi keterangan perbendaharaan hukum syarak yang diperolehi hasil istinbat ke atas dalil-dalil yang berhubung dengan hukum tersebut. Oleh kerana fatwa itu adalah jawapan, maka asas bagi fatwa itu adalah didahului dengan soalan dari satu pihak, sama ada perseorangan mahupun secara kolektif.

Dalam kesempatan yang lain, Syeikh ‘Alī Jum‘ah juga menegaskan bahawa terdapat perbezaan antara fatwa, *fiqh* dengan *qadā’*. Menurut para

---

Pendidikan beliau bermula di Sekolah Rakyat dan kemudiannya di Madrasah Ibtidaiyyah, Tangerang yang berakhir pada tahun 1955. Setelah itu, beliau melanjutkan dunia intelektualnya ke Pesantren Tebuireng Jombang Jawa Timur sehingga tahun 1961. Beliau mengakhiri pengajian formalnya di Fakulti Usuluddin, Universiti Ibnu Chaldun Bogor pada tahun 1967. Antara bentuk penghargaan atas segala sumbangannya, pada tanggal 5 Mei 2012, K.H. Ma'ruf Amin telah dianugerahkan gelaran Doktor Kehormatan dalam bidang Ilmu Hukum Ekonomi Syariah dari UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta. Beliau juga merupakan salah seorang dari jalur keturunan ilmuan besar Islam iaitu Shaykh Nawawi al-Bantani. Antara jawatan yang disandang oleh beliau adalah Ketua Umum PBNU (2015-2020) dan Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia (2015-2020). Lihat t.p., ‘Ma'ruf Amin’, Wikipedia, [https://id.wikipedia.org/wiki/Maruf\\_Amin](https://id.wikipedia.org/wiki/Maruf_Amin), diakses 29 Januari 2023.

<sup>26</sup> KH Ma'ruf Amin, *Fatwa dalam Sistem Hukum Islam* (Jakarta, Indonesia: elSAS Jakarta, 2008), 246.

<sup>27</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, *Şinā‘ah al-Iftā'* (Qāhirah, Miṣr: Dār Nahḍah Miṣr, 2008), 5.

sarjana hukum, *fiqh* adalah ilmu mengenai hukum-hukum syarak amali yang diperolehi dari dalil-dalil *tafsīlī*, sementara fatwa pula adalah penjelasan bagi persoalan samar yang berhasil dari sesuatu permasalahan semasa yang memerlukan kepada penjelasan syarak. Oleh yang demikian, mufti adalah individu yang menerangkan hukum Allah SWT dengan melihat kepada konteks semasa. Konteks inilah yang membezakan antara peranan seorang mufti dengan seorang faqih<sup>28</sup>.

Dari pengertian ini juga dapat dirumuskan bahawa fatwa adalah hasil ijтиhad seorang mufti berhubung dengan hukum yang diajukan kepadanya. Justeru itu, fatwa lebih khusus dari pengertian *fiqh* kerana fatwa yang dikeluarkan oleh mufti sudah dirumuskan dalam khazanah *fiqh* tetapi hanya belum difahami oleh pihak yang meminta fatwa.

## INSTRUMEN PEMFATWAAN MENURUT SYEIKH ‘ALĪ JUM‘AH

Struktur pemfatwaan yang diketengahkan oleh Syeikh ‘Alī Jum‘ah adalah kombinasi dua instrumen sehingga melahirkan sebuah pembentukan hukum yang realistik. Dua instrumen tersebut adalah merujuk kepada instrumen *idrāk al-naṣ* dan instrumen *idrāk al-wāqi’*.

### 1. Instrumen *Idrāk al-Naṣ* (Memahami Nas)

Dalam proses penentuan hukum bagi setiap isu yang timbul, sumber rujukan hukum akan mengangkat kredibiliti seseorang mufti dalam menetapkan fatwa. Selain daripada itu juga, pemanfaatan terhadap sesuatu sumber rujukan akan mendatangkan sisi perbezaan terhadap manhaj yang benar mahupun sebaliknya. Hal ini juga dikira sebagai neraca ukuran dalam pembinaan sesuatu hukum<sup>29</sup>. Dalam hal ini, Syeikh ‘Alī Jum‘ah telah merujuk dua bentuk nas iaitu *al-naṣ al-muqaddas* dan *al-naṣ al-bashārī*<sup>30</sup>.

Berkenaan dengan *al-naṣ al-muqaddas*, ia merujuk kepada dua rujukan primer iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Al-Qur'an sebagaimana yang didefinisikan para sarjana Islam, kalamullah yang menjadi mukjizat abadi

<sup>28</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, *Šinā‘ah al-Iftā’*, 7.

<sup>29</sup> Azman Ab Rahman & Mohd Nasir Abdul Majid, ‘Kepentingan Usul Fiqh dalam Ijtihad dan Fatwa’, *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004* (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004), 103.

<sup>30</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, *Mukawwināt al-‘Aql al-Muslim wa Darajāt al-Ma‘rifah* (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Wābil al-Šoyib, 1438H/2017M).

kepada Rasulullah SAW, yang tidak mungkin ditandingi oleh mana-mana manusia, membacanya mempunyai nilai ibadat, diturunkan kepada generasi berikutnya secara mutawatir dalam bentuk mashaf, dimulai dari surah al-Fātiḥah dan diakhiri dengan surah al-Nās<sup>31</sup>. Terdapat dua sudut yang perlu diperhalusi dari kandungan al-Qur'an, iaitu *al-thubūt* (autentik sumber) dan *al-dalālah* (petunjuk makna). Dari segi *al-thubūt*, umat Islam telah bersepakat mengenai keabsahan (*qat'ī thubūt*) dari Allah kerana al-Qur'an disampaikan kepada umat Islam secara mutawatir sehingga mendatangkan keyakinan terhadap ketetapan sumber<sup>32</sup>.

Sementara dari segi *dalālah* al-Qur'an yang berkait dengan hukum, ia dibezakan menerusi ayat-ayat yang *qat'ī* dan *zannī*. Dengan memperhalusi kandungan al-Qur'an akan tersingkap ayat-ayat *qat'ī* dan *zannī* yang merupakan ciri al-Qur'an tersendiri dalam menghuraikan hukum. Maka atas dasar ini, yang menjadi pertimbangan dalam istinbat hukum adalah tabiat ayat itu sendiri<sup>33</sup>. Selain daripada itu al-Qur'an juga bersifat dengan mutlak iaitu kitab suci yang kekal relevan sepanjang zaman dan bagi semua tempat. Al-Qur'an adalah sebuah kitab agama komprehensif yang menjadi asas kepada agama dan roh Islamnya. Berpandukan dari kitab inilah, para manusia mengambil intipati mengenai akidah, ibadat, akhlak, *uṣūl tashrī'* dan hukum hakam. Selain itu juga, al-Qur'an turut mencerminkan sebagai sebuah kitab alam sejagat seperti firman Allah SWT:

<sup>31</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, *al-Muṣṭaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl*, vol. 1 (Bayrūt, Lubnān: Mū'assasah al-Risālah Nāshirūn, 1436H/2015M), 101; Al-Amidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 1 (Riyāḍ, Sa'ūdī: Dār al-Samī'i, 1424H/2003M), 128; Al-Isnawī, Jamāl al-Dīn, *Nihāyah al-Sūl fī Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl ilā 'Ilm al-Uṣūl*, vol. 1 (Bayrūt, Lubnān: Dār Ibn Ḥazm, 1420H/1999M), 63; Al-Zarkashī, Muḥammad bin Bahādur bin 'Abd Allāh, *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, cet. 2, vol. 1 (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'ūn al-Islāmiyyah, 1413H/1992M), 441.

<sup>32</sup> Perbincangan *qat'ī* dan *zannī* hanya dapat ditemukan dalam kalangan sarjana *uṣūl al-fiqh* iaitu ketika mereka menganalisis kebenaran sumber dalil berdasarkan tiga bentuk; nas, zahir dan mujmal. Dalil yang diklasifikasikan oleh mereka sebagai nas adalah dalil yang tidak memiliki sebarang kemungkinan makna lain. Sementara itu bagi dalil yang diklasifikasi sebagai zahir atau mujmal, termasuk dalam kategori dalil *zannī* kerana ia berkemungkinan memiliki makna lain.

<sup>33</sup> Khoirizi H Dasir, 'Qath'ī dan Zannī al-Qur'an dan al-Sunnah Dalam Proses Pengembangan Dakwah', *At-Tamkin: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, vol. 3/3 (2018), 01-06.

﴿٢٧﴾ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ

“Al-Qur'an itu tidak lain hanyalah peringatan bagi seluruh penduduk alam”.

(Surah al-Takwīr, 81: 27)

Berhubung dengan al-Sunnah, ia merupakan sumber kedua bagi syariat Islam. Di sisi para sarjana usul fiqh, al-Sunnah adalah setiap yang datang dari Rasulullah SAW dan sesuai dijadikan sebagai dalil hukum syarak<sup>34</sup>. Dalil-dalil ini diambil daripada kata-kata, perbuatan dan perakuan<sup>35</sup>. Rentetan dari melihat Rasulullah SAW sebagai *ṣāḥib al-tashrī'* iaitu yang menentukan kaedah-kaedah bagi para mujtahid dalam pengambilan hukum dan peranan menjelaskan seluruh aspek perlombagaan hidup manusia, maka para ulama usul fiqh menumpukan perhatian mereka kepada segala aspek-aspek kehidupan Nabi Muhammad SAW bagi mensabitkan segala hukum syarak<sup>36</sup>.

Menurut Syeikh ‘Alī Jum‘ah<sup>37</sup>, pengambilan hukum dari al-Sunnah dapat dilihat dari empat kategori tersebut:

- a) Hukum yang menguatkan kandungan hukum dari al-Qur'an. Misalnya sabdaan Nabi Muhammad SAW yang mendorong umat Islam agar memanfaatkan harta dari jalan yang halal<sup>38</sup>
- b) Menjelas dan memperinci kandungan hukum al-Qur'an. Contohnya, peranan al-Sunnah memperincikan ayat firman Allah SWT mengenai ibadat solat seperti waktu-waktu solat dan bilangan rakaat dalam solat<sup>39</sup>.
- c) Mengikat hukum al-Qur'an yang bersifat mutlak atau mengkhususkan hukum al-Qur'an yang bersifat umum. Misalnya, peranan al-Sunnah yang menjelaskan pengecualian bangkai dan darah yang halal dimakan.

<sup>34</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 1150.

<sup>35</sup> Al-Isnawī, Jamāl al-Dīn, *Nihāyah al-Sūl fī Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl ilā ‘Ilm al-Uṣūl*, 63; Al-Zarkashī, Muḥammad bin Bahādūr bin ‘Abd Allāh, *Al-Baḥr al-Muhiṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, 441.

<sup>36</sup> Al-Sibā‘ī, Muṣṭafā, *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tashrī'* *al-Islāmī* (Dimashq, Sūriyā: al-Maktab al-Islāmī, 1978), 49.

<sup>37</sup> ‘Alī Jum‘ah, *al-Madkhāl ilā Dirāsah al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*, cet. 4 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 1433H/2012), 383-384.

<sup>38</sup> Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin Ḥusayn, *al-Sunan al-Kubrā*, vol. 6 (Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Bāz, 1994), 100, ‘Bāb Man Ghaṣiba Lawḥān fa Adkhalahu fī Safīnatin aw Banā ‘alayhi Jidārān,’ no. *hadīth* 11225.

<sup>39</sup> Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs, *Musnad al-Imām al-Shāfi‘ī* (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2015), 339.

- d) Menjawab permasalahan-permasalahan hukum yang ditinggalkan al-Qur'an, contohnya keharusan memakan daging haiwan yang ditangkap oleh haiwan pemburu yang terlatih. Namun begitu, sekiranya haiwan terlatih itu menangkap seekor buruan untuk dirinya sendiri berdasarkan petunjuk atau *qarīnah*, maka hukum memakan binatang buruan itu telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW.

Rumusan dari keterangan di atas, penggalian hukum paling utama adalah bersandarkan kepada dua sumber primer iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Menerusi dua sumber wahyu inilah yang membentuk kepada perbendaharaan hukum-hukum syarak yang meliputi segala bentuk tuntutan, larangan dan keharusan. Kitab al-Qur'an yang merupakan kalamullah, dijadikan sebagai subjek kepada syarahan hadis. Dalam hal ini, al-Qur'an sendiri ada membuktikan keterkaitannya dengan al-Sunnah:

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لِهُمُ الْدِيْنُ فِيهِ وَهُدًىٰ وَرَحْمَةً لِّفَوْقَهُمْ

﴿٦٤﴾  
يُؤْمِنُونَ

*"Dan tiadalah Kami menurunkan al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) melainkan supaya engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisihan padanya; dan supaya menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman".*

(Surah al-Nahl, 16: 64)

Rumusan dari penjelasan di atas, perbendaharaan hukum dalam Islam adalah kesinambungan dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru itu, dua sumber inilah yang mencerminkan *al-naṣ al-muqaddas* dalam elemen pertama bagi *idrāk al-naṣ* (memahami nas). Selain daripada itu, dua sumber wahyu ini juga yang mewujudkan pelbagai bentuk dalil sebagaimana yang dibahaskan oleh para ulama usul dalam karya penulisan mereka seperti *al-Ijmā'*, *al-Qiyās*, *'Amal Ahl al-Madīnah*, *al-Istiṣḥāb*, *al-Istihsān* dan sebagainya.

Manakala nas kedua iaitu *al-naṣ al-bashārī* (produk manusia) merujuk kepada segala bentuk nukilan secara lisan mahupun penulisan yang dihasilkan para sarjana Islam sebelum seratus tahun dari tahun semasa<sup>40</sup>. Dalam erti kata lain, apa sahaja nukilan yang didapati dalam liputan sejarah

<sup>40</sup> Dalam konteks dunia pemikiran Islam, *al-naṣ al-bashārī* turut dikenali sebagai 'turāth'. Lihat: 'Alī Jum'ah, *al-Tarīq ilā al-Turāth al-Islāmī: Muqaddimāt Ma'rifiyyah wa Madākhil Manhajiyah* (Jizah, Miṣr: Dār Nahḍah Miṣr, Jan 2014), 19.


seratus tahun umat Islam tanpa mengira bidang dan disiplin ilmu, maka semua nukilan tersebut dinyatakan sebagai *al-naṣ al-bashārī* (produk manusia). Walau bagaimanapun, produk manusia yang dimaksudkan dalam konteks kajian Islam adalah produk manusia yang menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai rujukan primer dalam semua aspek. Hal ini mewujudkan satu kombinasi antara *al-naṣ al-muqaddas* dengan *al-naṣ al-bashārī* dan pada masa yang sama juga menafikan sebarang kontradiksi antara kedua bentuk nas tersebut. Dalam erti kata yang lain, semua bentuk produk manusia sama ada yang dinukilkan secara lisan mahupun penulisan dari sebelum tempoh seratus tahun dari tahun semasa, tidak sesekali bertentangan dengan matlamat al-Qur'an dan al-Sunnah.

Menurut Syeikh ‘Alī Jum‘ah lagi, produk manusia merangkumi dua unsur berasingan iaitu produk pemikiran dan realiti pensejarahannya. Usaha yang diambil oleh para sarjana Islam, telah menghasilkan pelbagai misi, pemikiran, disiplin ilmu, metode, hukum dan praktikaliti. Secara realitinya, semua produk pemikiran mereka (*al-naṣ al-bashārī*) adalah konsekuensi dari faham *al-naṣ al-muqaddas*<sup>41</sup>. Ini menjadikan khazanah pemikiran mereka adalah bertitik-tolak dari tanggungjawab dalam memahami dua sumber wahyu dalam Islam. Ini juga bererti, al-Qur'an dan al-Sunnah tidak dapat difahami secara lebih tepat dan luas melainkan dengan perantaraan produk pemikiran para ulama seperti yang disampaikan dalam ilmu-ilmu Islam seperti nahu, *sorf*, balaghah, *asbāb al-nuzūl*, usul fiqh, tauhid dan *manṭiq*<sup>42</sup>. Kombinasi antara *al-naṣ al-muqaddas* dengan *al-naṣ al-bashārī* mewujudkan kepada peradaban Islam yang bernuansakan al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru itu, kedua-dua bentuk nas inilah yang membentuk rukun pertama dalam proses pemfatwaan iaitu *idrāk al-naṣ (faham nas)*.

<sup>41</sup> ‘Alī Jum‘ah, *al-Tarīq ilā al-Turāth al-Islāmī: Muqaddimāt Ma‘rifiyah wa Madākhil Manhajiyah*, 20.

<sup>42</sup> ‘Alī Jum‘ah, *al-Bayān limā Yashghil al-Adhhān*, vol. 1 (Qāhirah, Miṣr: Dār Muqattam, 2014M/1435H), 79.

Rajah 1: Elemen Nas yang Terbahagi kepada Dua Bentuk



Sumber: 'Alī Jum'ah (2014)<sup>43</sup>

## 2. Instrumen *Idrāk al-Wāqi'* (Memahami Realiti)

Dalam formulasi fatwa, salah satu jenis kefahaman penting yang wajib dimiliki oleh mufti atau mujtahid adalah instrumen *idrāk al-wāqi'* (memahami realiti). Pada dasarnya, *idrāk al-wāqi'* atau *fīqh al-wāqi'* ini bermaksud memahami konteks penurunan ayat al-Qur'an atau sesuatu hadis serta memahami konteks di mana teks-teks ini akan diimplementasikan. Hal ini menjadikan, setelah para mufti atau mujtahid memberikan penelitian terhadap *idrāk al-naṣ*, maka proses seterusnya adalah tertumpu kepada rukun kedua bagi pemfatwaan iaitu *idrāk al-wāqi'* (memahami realiti)<sup>44</sup>.

Syariat Islam yang merangkumi pelbagai sudut kehidupan manusia, tidak terlepas pandang mengenai sudut *fīqh* dalam pengetahuan sosiologi Islam supaya meliputi tuntutan masyarakat yang berselari dengan prinsip-prinsip agama. Walaupun asas nilai ukur dalam sosiologi Islam bergantung kepada akal rasional dalam sesebuah masyarakat, namun begitu ia juga memerlukan kepada piawaian syarak dalam menentukan cakupan tersebut.

Sebab-sebab yang membawa perubahan sosial seperti perubahan individu atau masyarakat, perubahan masa, lokaliti dan keadaan, telah menjadi penanda aras kepada penentuan hukum yang akan dikeluarkan

<sup>43</sup> 'Alī Jum'ah, *al-Tarīq ilā al-Turāth al-Islāmī: Muqaddimāt Ma'rifiyyah wa Madākhil Manhajiyah*, 20.

<sup>44</sup> Ibn al-Qayyim, *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Ālamīn*, vol. 1 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Jīl, 1973), 87.

oleh seseorang mufti<sup>45</sup>. Bahkan menurut kaedah yang diterapkan oleh Ibn al-Qayyim, perubahan hukum tidak hanya melibatkan empat perubahan tadi, malah perubahan dari sudut motivasi dan budaya juga menuntut kepada perubahan hukum<sup>46</sup>. Semua bentuk perubahan sosial inilah yang dirumuskan dalam pengkajian *wāqi‘*.

Bagi prosedur penetapan hukum yang mengambil kira faham *wāqi‘*, maka beberapa piawaian syarak telah ditentukan, antaranya<sup>47</sup>:

- a) Dalam penetapan hukum syarak, penting untuk memastikan kesederhanaan agar hukum tersebut turut mempertimbangkan pelbagai jenis lapisan dalam masyarakat. Kesederhanaan hukum yang dimaksudkan adalah penetapan hukum yang adil, tidak tertumpu kepada kehendak sesuatu pihak dan tidak terlalu longgar sehingga tunduk dengan keinginan masyarakat awam.
- b) Para mufti dituntut untuk mengasah kemahiran *fiqh iftirādī* (*fiqh* andaian) dalam penetapan hukum. Namun, *fiqh iftirādī* yang ditagih adalah melibatkan permasalahan yang berlaku atau hampir berlaku dalam dunia realiti. Kajian hukum mereka, tidak sepatutnya terlalu obses dengan sebarang andaian yang jauh dari hakikat kehidupan.
- c) Bidang kepakaran para mufti adalah jurusan syariah dan mereka tidak arif dalam isu-isu saintifik yang diceburi oleh para pakar yang lain. Justeru itu, para mufti perlu mendapatkan nasihat dan rujukan daripada para pakar dari bidang lain sebelum membuat penetapan hukum. Integrasi pengetahuan ini yang mendatangkan penetapan hukum yang realistik dengan konteks semasa.
- d) Mengimbangi aplikasi *maqāṣid sharī‘ah* dengan dalil-dalil syarak. Dalam wacana hukum pada hari ini, terdapat segelintir para sarjana yang terlalu condong kepada penggunaan *maqāṣid sharī‘ah* sehingga melampaui dalil-dalil syarak yang jelas. Misalnya, kelompok liberalis yang membantah pembahagian hukum faraid yang jelas dari dalil syarak kerana merasakan diskriminasi dan penindasan terhadap kaum wanita.
- e) Mempertimbangkan hakikat kehidupan seharian antara sesebuah komuniti dengan komuniti yang lain. Sudut-sudut perbezaan seperti

<sup>45</sup> ‘Ali Jum‘ah Muhammad, *Šinā‘ah al-Iftā‘*, 63.

<sup>46</sup> Ibn al-Qayyim, *I'lām al-Muwaqqi‘īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, 3.

<sup>47</sup> Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fatwā Mu'āşirah*, 33-35; al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Madkhāl li Dirāsah al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Qāhirah, Miṣr: Maktabah Wahbah, 2005), 278-281.

bahasa, bangsa, dan agama, kemajuan intelektual, aspirasi dan kemahuan yang terbentuk oleh persekitaran, semuanya harus diperhalusi oleh para mufti dalam mengeluarkan fatwa atau hukum semasa.

Bagi memperinci kajian realiti atau *al-wāqi‘*, Syeikh ‘Alī Jum‘ah mengambil pendekatan berlandaskan kepada ‘awālim al-wāqi‘ al-arba‘ah (empat realiti *wāqi‘*). Empat ‘awālim yang dimaksudkan adalah ‘ālam al-*ashyā‘* (عالم الأشياء), ‘ālam al-*ashkhāṣ* (الأشخاص)، ‘ālam al-*afkār* (الآفكار) dan ‘ālam al-*ahdāth* (الأحداث)<sup>48</sup>. Keempat-empat ‘awālim ini merupakan praktikaliti bersepada bagi mendapatkan perkembangan bagi sesuatu *wāqi‘*.

### 1. ‘Ālam al-*Ashyā‘*

‘Ālam al-*ashyā‘* terdiri daripada alam material dan kebendaan yang boleh dicapai menerusi pancaindera yang lima; deria rasa, penglihatan, bauan, sentuhan dan pendengaran. Justeru, jasad manusia adalah yang paling hampir dengan setiap sesuatu dari ‘awālim yang lain. Sebagai contoh, ‘Ālam al-*ashyā‘* memiliki suatu hakikat yang menjustifikasikan hukum dan metode menerusi alatan sains seperti peralatan mikroskop dalam mengkaji kandungan oksigen dan hidrogen dalam air. Kajian ini bukan sekadar memberi natijah yang memanfaatkan dunia sains menerusi kajian empirikal, malah turut membawa implikasi hukum seperti perbahasan air *mushammas*<sup>49</sup>. Selain daripada itu, peralatan teodolit, teleskop dan binokular boleh diguna pakai sewaktu proses cerapan *hilāl*, terutamanya dalam penentuan anak bulan Ramadan dan Syawal. Hasilnya, peralatan-peralatan ini membantu para mufti dalam mengkaji hakikat kebendaan (*al-ashyā‘*) pada sesuatu masa seterusnya memberi justifikasi hukum syarak.

### 2. ‘Ālam al-*Ashkhāṣ*

Tradisinya, para fuqaha membahaskan *fiqh* Islam dengan menfokuskan pada *shakhṣiyyah ṭabī‘iyah* iaitu manusia yang dilengkapi dengan nilai akhlak dan perasaan. Namun, setelah melalui dinamika perkembangan dalam kehidupan umat manusia, para fuqaha semasa mengambil pendekatan untuk meluaskan perbahasan kepada *shakhṣiyyah i‘tibāriyyah* yang mencerminkan sesebuah entiti atau badan rasmi seperti bank,

<sup>48</sup> ‘Alī Jum‘ah, *Simāt al-‘Aṣr; Ru’yah Muhtam*, cet. 1 (Qāhirah: Dār al-Fārūq, 2006), 156.

<sup>49</sup> Para ulama menghukum makruh dalam menggunakan air yang terkena cahaya matahari. Lihat: al-Bājūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad, *Hāshiyah al-Bājūrī ‘alā Fath al-Qarīb al-Mujīb*, vol. 1 (Jakarta, Indonesia: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 2007), 59.

yayasan, pertubuhan, syarikat, masjid dan termasuklah badan-badan kerajaan. Semua entiti ini mempunyai keupayaan berskala besar berbanding *shakhṣiah ṭabī‘iyah* dari sudut autoriti dalam pemilikan, sabitan hak dan pelaksanaan kewajipan. Berikut daripada itu, *shakhṣiah ṭabī‘iyah* dan *shakhṣiah i’tibāriyyah* menjadi sudut pertimbangan dalam beberapa penetapan hukum dan fatwa.

### 3. *Ālam al-Afkār*

Yang dimaksudkan dengan *‘ālam al-afkār* adalah segala bentuk kepercayaan (*i’tiqād*), *taṣawwurāt*, *taṣdīqāt* dan prinsip yang terkandung dalam minda masyarakat bagi sesuatu detik sejarah tertentu. Selain daripada itu, termasuk juga dalam *‘ālam al-afkār* ini adalah segala corak pemikiran dan nilai-nilai abstrak yang tidak dipengaruhi dengan *‘ālam al-ashyā’* atau *‘ālam al-ashkhāṣ* sebagaimana *‘ālam al-afkār* mempengaruhi kedua-duanya. *‘Ālam al-afkār* merupakan lapangan yang sangat luas bagi manusia. Masing-masing membawa pemikiran dan aliran bagi menjustifikasi kemajuan dan ketamadunan pada mereka.

Dalam pada itu, seorang mufti memerlukan kepada akidah yang *thābit* bagi memahami serta mengukur *‘ālam al-afkār* yang melanda pemikiran umat manusia, khususnya umat Islam. Akidah yang bersandarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, menjadi kayu ukur dalam usaha mufti membanteras pemikiran-pemikiran yang menyeleweng. Rentetan dari pemikiran yang bersandarkan kepada ajaran Islam yang murni, mufti mampu untuk menjawab persoalan-persoalan fatwa yang terkait dengan wacana pemikiran dan aliran.

### 4. *Ālam al-Aḥdāth*

*‘Ālam al-ahdāth* atau alam peristiwa adalah pengkajian mengenai peristiwa dan situasi yang telah berlaku, sedang berlaku dan bakal berlaku. Faham *wāqi‘* dari sudut *‘ālam al-ahdāth* ini membolehkan mufti memahami perubahan sosial dalam komuniti masyarakat setempat. Kesan daripada itu, mufti berupaya untuk mengeluarkan hukum yang sedikit sebanyak mampu menanggapi masa hadapan umat Islam serta mendatangkan maslahah buat mereka. Penyelidikan *waqi‘* seperti ini dinyatakan oleh para ulama sebagai implikasi dan kesan hukum.

Berikut dari empat *‘awālim al-wāqi‘* ini, mufti berupaya memahami suasana realiti dengan lebih tepat. Memahami realiti menerusi empat *‘awālim* ini, memerlukan juga kepada tenaga pakar dari pelbagai bidang yang berkaitan seperti ekonomi, politik, sains, kesihatan dan sebagainya. Hal ini memastikan kesahihan fatwa oleh mufti, turut diperakui oleh kepakaran ilmuan yang dari pelbagai bidang yang berkait dengan realiti

setempat<sup>50</sup>. Justeru itu, pemahaman kepada *fiqh al-wāqi‘* yang disuluh menerusi empat ‘awālim ini dapat membantu mufti dalam menanggapi segala perubahan zaman, lokaliti, individu dan situasi dari sudut penetapan hukum.

Sintesis tiga kefahaman iaitu (1) faham nas iaitu *al-nas al-muqaddas* dan *al-naṣ al-bashārī*, (2) faham realiti menerusi kaca mata empat ‘awālim wāqi‘ serta (3) proses menghubungkan faham nas dengan faham *wāqi‘*, maka ini merupakan penyelidikan fatwa bersifat sintopik yang berlaku antara elemen mutlak (*absolute*) dengan *nisbī* (*relatif*)<sup>51</sup>. Dalam pada itu, Syeikh ‘Alī Jum‘ah menggariskan lima parameter penting bagi mufti mensintesis satu hukum yang berlandaskan pada metode yang sahih. Lima parameter tersebut adalah:<sup>52</sup>


- a) Berlandaskan kepada lima *maqāṣid al-sharī‘ah*.
- b) Bertepatan dengan maslahat.
- c) Memahami implikasi dan kesan hukum.
- d) Selaras dengan hukum yang diputuskan secara ijmak.
- e) Seajar dengan disiplin ilmu Bahasa Arab.

<sup>50</sup> Idārah al-Abhāth al-Shar‘iyyah, *Dawābiṭ al-Ikhtiyār al-Faqhī ‘inda al-Nawāzil* (Qahirah, Misr: Maṭba‘ah Dār al-Kutub wa al-Wathā’iq al-Qawmiyyah, 1434H/2013M), 35.

<sup>51</sup> Konsep mutlak adalah dengan menyatakan bahawa wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah itu sesuai diaplikasikan pada setiap waktu, lokaliti, individu dan situasi. Sementara itu bagi konsep *nisbī* pula sebaliknya; berlaku keterikatan pada empat aspek tersebut iaitu waktu, lokaliti, individu dan situasi. Lihat: ‘Alī Jum‘ah, *Simāt al-‘Aṣr; Ru’yah Muhtam*, 96-108.

<sup>52</sup> ‘Alī Jum‘ah, *al-Tariq ilā al-Turāth al-Islāmī: Muqaddimāt Ma‘rifiyah wa Madākhil Manhajiyah*, 14. Lihat juga ucapan Prof. Dr. ‘Alī Jum‘ah, Anggota Hay‘ah Kibār al-‘Ulamā’ al-Azhar al-Sharīf sewaktu persidangan tahunan anjuran al-Amānah al-Āmmah li Dawr wa Hay‘at al-Iftā’ fī al-‘Ālam (Sekretariat Umum Pihak Autoriti Fatwa Global). Persidangan ini telah berlangsung pada 17-19 Oktober 2017M dengan membawa tema ‘*Peranan Fatwa Dalam Kestabilan Sosial*’. Teks penuh ucapan ini boleh dimuat turun dari [pautan](http://www.fatwaacademy.org/viewarticle.aspx?ID=1285&LangID=1&CatID=27) berikut: <http://www.fatwaacademy.org/viewarticle.aspx?ID=1285&LangID=1&CatID=27> atau boleh ditonton melalui laman sesawang أ.د. علي جعنة Dr Ali Gomaa, ‘Kalimah A D ‘Alī Jum‘ah Khilāl fa ‘Āliyāt Mu’tamar “Dawr al-Fatwā fī Istiqrār al-Mujtami‘at”, YouTube, <https://www.youtube.com/watch?v=3a8FqbL3sc>, diakses 14 November 2019M.

Rajah 2: Proses Pemfatwaan dalam Islam



Sumber: ‘Alī Jum‘ah Muhammad (2014)<sup>53</sup>

### PROSES PENGELOUARAN FATWA DI SISI SYEIKH ‘ALĪ JUM‘AH

Pemfatwaan merupakan satu proses kompleks yang memerlukan kepada kepakaran khusus untuk melaksanakan dan menguruskannya. Pemfatwaan yang juga merupakan analisa minda seorang mufti, berlandaskan kepada beberapa prosedur yang perlu dilalui sebelum mufti menetapkan fatwa. Prosedur pemfatwaan ini disusun kepada empat peringkat yang dimulai dengan peringkat *al-taṣwīr*, *al-takyīf*, *al-hukm* dan berakhir *al-ifṭā’*<sup>54</sup>. Perincianya adalah sebagaimana berikut<sup>55</sup>:

<sup>53</sup> ‘Alī Jum‘ah, *al-Tarīq ilā al-Turāth al-Islāmī: Muqaddimāt Ma‘rifiyah wa Madākhil Manhajiyah*, 198.

<sup>54</sup> ‘Alī Jum‘ah Muhammad, ‘al-Ifṭā’ Haqīqatuhu wa Adābuhu wa Marāḥiluhu’, (Kertas Kerja Mu’tamar al-Fatwā wa Ḱawābiṭuhā, Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, Makkah, ‘Arab Sa‘ūdī, 17-21 Januari 2009); [https://www.draligomaa.com/index.php/%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%88%D9%89](https://www.draligomaa.com/index.php/%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%88%D9%81%D8%AF/item/805-%D9%85%D8%B1%D8%A7%D8%AD%D9%84-%D8%B5%D9%8A%D8%A7%D8%BA%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%AA%D9%88%D9%89), diakses 25 September 2022; Mohamed Abdelaziz Mahmoud Ghonim, ‘Usus al-Fatwa wa Marahiluha bi Mafhum ‘Aṣri’ (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009). 134.

<sup>55</sup> ‘Alī Jum‘ah Muhammad, *Ṣinā‘ah al-Ifṭā’*, 62-65.

## 1. *Marhalah al-Taṣwīr* (Penggambaran Masalah)

Peringkat *al-taṣwīr* atau penggambaran masalah adalah peringkat asas dalam proses pemfatwaan. Proses *al-taṣwīr* yang benar dan bertepatan dengan *wāqi'* adalah syarat asasi bagi ketepatan dalam berfatwa. Ketidaktepatan dalam proses *al-taṣwīr* akan membawa kepada fatwa yang dikeluarkan tidak selari dengan tuntutan dan mengheret kepada kekeliruan dalam masyarakat. Selain daripada itu, proses *al-taṣwīr* ini juga merupakan tinjauan oleh mufti mengenai empat sudut yang perlu diambil kira dalam sesuatu pemfatwaan. Empat sudut yang dimaksudkan adalah masa, lokaliti, individu dan situasi

Imam al-Ghazālī menyatakan, proses *al-taṣwīr* sebelum berfatwa adalah satu tugas kritikal yang sukar untuk dilaksanakan<sup>56</sup>. Seseorang mufti berkemungkinan mampu untuk memberikan jawapan fatwa terhadap isu yang dibangkitkan kepadanya, namun tidak mampu untuk menggambarkan masalah tersebut dengan tepat sekiranya dia diminta untuk melakukan hal tersebut. Menurut Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, kemampuan dalam proses *al-taṣwīr* ini juga menjadi salah satu kriteria mujtahid dalam penentuan hukum<sup>57</sup>.

Muhammad ‘Abd al-Laṭīf al-Bannā menyebutkan, terdapat lapan ciri-ciri yang perlu diperhalusi mufti dalam menjalankan proses *al-taṣwīr*. Pertama, *dābiṭ al-ma’lūmāt* (penentuan informasi), *su’āl ahl al-takhṣīṣ* (diagnosis pakar), *al-dābiṭ al-taḥlīlī* (penentuan analisis), *dābiṭ al-makān wa al-zamān* (penentuan lokaliti dan masa), *al-iṭṭilā‘ alā ‘awāmil taghyīr al-ahkām* (memperhalusi sebab perubahan hukum), *dābiṭ al-ḍarūrāt* (penentuan keperluan), *dābiṭ al-tarawwī* (penentuan pertimbangan) dan *isti ‘ānah bi mu’tayāt al-‘aṣr* (dokongan teknologi terkini)<sup>58</sup>.

## 2. *Marhalah al-Takyīf* (Pengadaptasian Masalah)

Peringkat seterusnya dalam pemfatwaan adalah *al-takyīf* iaitu pengadaptasian masalah yang diajukan oleh *al-mustafī* dengan masalah

<sup>56</sup> Noor Naemah Abdul Rahman, ‘al-Marāhil allatī Tamurru bihā al-Fatāwā’, *Jurnal al-Risalah*, vol. 15/1 (2008): 100-132.

<sup>57</sup> Al-Suyūtī, ‘Abd al-Rahman bin Abū Bakr, *al-Rad ‘alā man Akhlada ilā al-Arq wa Jahila Anna al-Ijtihād fī Kulli ‘Aṣr Fard*, cet. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983), 181.

<sup>58</sup> Muhammad ibn ‘Abd al-Laṭīf Maḥmūd al-Bannā, *Taṣwīr al-Nāzilah Dirāsah Fiqhīyyah Taṭbīqīyyah* (Riyāḍ: Jāmi‘ah Muḥammad ibn Sa‘ūd al-Islāmiyyah, 2010), 56.

yang sudah dibahaskan oleh para ulama dalam mana-mana sumber berautoriti atau dipanggil *al-takyīf al-fiqhī*.

Muhammad Uthmān Shībīr merumuskan, *al-takyīf* sebagai suatu bentuk penetapan hakikat bagi sesuatu permasalahan semasa yang timbul sebelum disuaikan dengan dalil-dalil bagi *fiqh Islāmī*. Proses penetapan hakikat ini dengan melihat kepada sifat<sup>59</sup> persamaan yang wujud antara permasalahan semasa dengan dalil-dalil syarak<sup>60</sup>. Menurut Syeikh ‘Alī Jum‘ah, proses *al-takyīf* ini merupakan proses pengklasifikasian isu semasa kepada tema-tema perbahasan *fiqh* yang bersesuaian dengannya. Sebagai contoh, tatkala soalan berkaitan jual beli secara pinjaman diajukan kepada mufti, maka permasalahan ini akan diteliti dalam skop muamalat. Peringkat *al-takyīf* ini adalah peringkat persediaan sebelum mufti menjelaskan hukum syarak terhadap sesuatu isu yang diajukan kepadanya<sup>61</sup>.

Selain itu, peringkat *al-takyīf* ini merupakan tanggungjawab penting bagi mufti mendalami dalam permasalahan yang diutarakan kepadanya. Kesilapan dalam penelitian terhadap masalah tersebut akan mengheret kepada kesilapan dalam berfatwa. Selain daripada itu juga, perbezaan sisi *al-takyīf* akan mengimplikasikan perbezaan fatwa dalam kalangan ulama atau mufti.

### **3. *Marhalah Bayān al-Hukm* (Penjelasan Hukum)**

Proses ketiga dalam pemfatwaan adalah *bayān al-hukm*. Lafaz *al-hukm* sebagaimana yang didefinisikan oleh al-Rāzī, al-Isnāwī dan al-Zarkashī adalah *khiṭāb* Allah SWT yang berkait dengan perbuatan para *mukallaf* sama ada menerusi hukum *al-iqtidā’* atau *al-takhyīr*<sup>62</sup>. Proses ini melibatkan pengamatan terhadap dalil-dalil syarak yang merangkumi dalil-

<sup>59</sup> Lafaz ‘sifat’ yang dimaksudkan di sini boleh difahami sebagai ‘illah sebagaimana yang dibahaskan dalam bab al-Qiyās bagi ilmu usul fiqh.

<sup>60</sup> Muhammad ‘Uthmān Shībīr, *al-Takyīf al-Fiqhī lil Waqā‘i‘ al-Mustajaddah wa Taṭbīqātuhu al-Fiqhiyyah*, cet. 2 (Dimashq: Dār al-Qalam, 2014M/1435H), 30.

<sup>61</sup> ‘Alī Jum‘ah Muhammad, *Şinā‘ah al-Iftā’*, 63–64.

<sup>62</sup> Al-Rāzī, Muhammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn, *al-Maḥṣūl fī ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, cet. 1 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 2011), 71; Al-Isnawī, ‘Abd al-Rahīm bin al-Ḥasan, *al-Tamhīd fī Takhrīj al-Furū‘ ‘alā al-Uṣūl*, cet. 5 (Bayrūt, Lubnān: Mū‘assasah al-Risālah Nāshirūn, 1434H/2013M), 41; Al-Zarkashī, Muḥammad bin Bahādur bin ‘Abd Allāh, *Al-Baḥr al-Muḥīt fī Uṣūl al-Fiqh*, 127. Sementara itu, Ibn al-Ḥājjīb mendefinisikan *al-hukm* dengan menambah elemen *al-waḍ’* seterusnya menjadikan *al-hukm* di sisi beliau *khiṭāb* Allah SWT yang berkait dengan perbuatan para *mukallaf* sama ada menerusi hukum *al-iqtidā’* atau *al-takhyīr* atau *al-waḍ’*.

dalil disepakati seperti al-Qur'an, al-Sunnah, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās*. Namun begitu, sekiranya hukum tersebut tidak dapat diputuskan menerusi dalil-dalil disepakati, maka penetapan hukum akan dibuat berdasarkan kepada dalil-dalil tambahan iaitu dalil-dalil tidak disepakati seperti *qawl al-sahābī*, *al-istihsān*, *sadd al-zarā'i*, *al-istiṣḥāb*, *al-maṣāliḥ al-mursalah*, *'urf* dan *shar' u man qablanā*. Sumber-sumber hukum ini disebutkan juga sebagai *istiqrā'*<sup>63</sup>.

Di peringkat *bayān al-hukm* ini juga, ia menzahirkan kemahiran seseorang mufti dalam lapangan penyelidikan ilmu usul fiqh seperti *dalālāt al-alfāz*, *turuq al-istinbāt* dan faham *al-wāqi'* bagi *al-mustafṭī* dengan baik<sup>64</sup>. Seorang mufti yang akan memberi penjelasan hukum kepada *al-mustafṭī* akan memutuskan sesuatu hukum bersandarkan lima hukum *taklīfī* iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus<sup>65</sup>. Ini juga memberi bayangan bahawa seorang mufti itu seorang yang berpengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu seperti usul fiqh, *fiqh*, bahasa Arab, hadis dan sebagainya<sup>66</sup>. Pengetahuan-pengetahuan inilah yang membantunya untuk menganalisis dan memberi penjelasan hukum sehingga bertepatan dengan metodologi dan *qawā'id* ilmu saih.

#### 4. *Marhalah al-Iftā'* (Pemfatwaan)

Penutup kepada proses pemfatwaan adalah peringkat *al-iftā'* atau *al-tanzīl* iaitu peringkat pengaplikasian hukum yang dikaji ke dalam *wāqi'*<sup>67</sup>. Setelah melalui pelbagai peringkat dalam pemfatwaan seperti mengetahui *fiqh kullī* iaitu dengan menekuni dalil dan sumber rujukan, baik dari al-Qur'an dan al-Sunnah mahupun teks-teks para ulama, maka proses pemfatwaan lebih terarah kepada skop yang lebih khusus<sup>68</sup>. Jawapan fatwa yang dikeluarkan oleh mufti adalah bersifat semasa dan berobjektif iaitu dengan merujuk hanya kepada sesuatu permasalahan yang diajukan kepadanya. Peranan inilah yang membezakan antara seorang faqih dengan seorang mufti. Adapun peranan bagi seorang faqih adalah meneliti dan memahami sesuatu permasalahan *fiqh* secara gambaran umum dan *kullī* tanpa

<sup>63</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 417.

<sup>64</sup> 'Alī Jum'ah Muḥammad, *Šinā'ah al-Iftā'*, 64.

<sup>65</sup> Mohamed Abdelaziz Mahmoud Ghonim, 'Usus al-Fatwa wa Marahiluha bi Mafhum 'Aṣri' (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009), 146.


<sup>66</sup> 'Alī Jum'ah Muḥammad, *Šinā'ah al-Iftā'*, 64.

<sup>67</sup> 'Alī Jum'ah Muḥammad, *Šinā'ah al-Iftā'*, 64.

<sup>68</sup> Usāmah al-Sayyid Maḥmūd al-Azharī, *Mishkāh al-Uṣūliyyīn wa al-Fuqahā'*, cet. 1 (t.t: Dār al-Faqīh, 1434H/2013M), 184-185.

menghubungkannya dengan sesuatu realiti dan situasi *al-mustaqf*<sup>69</sup>. Selain daripada itu, kelaziman bagi mufti sebelum mengeluarkan fatwa adalah memperhalusi fatwa yang akan dikeluarkannya itu agar tidak bertentangan dengan asas agama Islam seperti *maqāṣid sharī‘ah*, *al-ijmā‘*, implikasi masa depan dan kaedah *fiqhīyyah*<sup>70</sup>. Sekiranya mufti mendapati bahawa fatwa yang bakal dikeluarkan itu bercanggahan dengan prinsip-prinsip ini, maka mufti perlu untuk kembali mengkaji dan menyelidik agar fatwanya selari dengan garis panduan yang ditetapkan<sup>71</sup>.

Rajah 3: Proses Pemfatwaan Menurut Syeikh ‘Alī Jum‘ah



Sumber: ‘Alī Jum‘ah Muḥammad (2008)<sup>72</sup>

<sup>69</sup> Al-Subkī, Taqī al-Dīn ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi, *Fatāwā al-Subkī*, vol. 2 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Ma‘rifah, t.t), 122.

<sup>70</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, ‘Peranan Fatwa Dalam Kestabilan Sosial’, (Kertas Kerja Seminar al-Amānah al-‘Āmmah li Dawr wa Hay’āt al-Iftā‘ fī al-‘Ālam (Kaherah: Sekretariat Umum Pihak Autoriti Fatwa Global, 17-19 Oktober 2017).

<sup>71</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, *Šinā‘ah al-Iftā‘*, 64-65.

<sup>72</sup> ‘Alī Jum‘ah Muḥammad, *Šinā‘ah al-Iftā‘*, 62-65.

## KESIMPULAN

Fatwa merupakan salah satu institusi perundangan Islam yang menjawab persoalan dan benteng kesejahteraan umat Islam. Bahkan, kedudukan fatwa bagi masyarakat umum dari kalangan umat Islam juga, ibarat dalil sebagaimana al-Qur'an dan al-Sunnah menjadi dalil terhadap para mufti dan mujtahid (*al-fatwā fī haqq al-'ām ka al-adillah fī haqq al-mujtahid*). Pemfatwaan adalah hasil kaedah analisis unik yang menggabungkan kajian terhadap *idrāk al-naṣ* dengan *idrāk al-wāqi'* yang mencakupi semua bidang dan kegiatan masyarakat umum sama ada bersifat ibadat, muamalah, perkahwinan dan jenayah. Selain itu, metode dan garis panduan pemfatwaan yang diketengahkan oleh Syeikh 'Alī Jum'ah telah membuka satu medan perbincangan baru dalam ilmu usul fiqh iaitu dari sudut kaedah penyelidikan berteraskan Islam, terutamanya pada kombinasi elemen faham nas dengan elemen faham *wāqi'*. Sintesis dari kefahaman ini, membawa kepada empat prosedur pemfatwaan iaitu *al-taṣwīr*, *al-takyīf*, *bayān al-hukm* dan *al-iftā'*.

Kajian ini juga mendapati, secara umumnya dapat membuktikan bahawa metode pemfatwaan yang diketengahkan oleh Syeikh 'Alī Jum'ah, tidak jauh beza dengan metode pemfatwaan yang diaplikasikan oleh para sarjana Islam, baik sarjana klasik mahupun kontemporari. Selain itu, metode pemfatwaan ini mencerminkan beberapa dasar penting. Pertama, berdiri di atas epistemologi Islam yang jelas. Kedua, proses pemfatwaannya yang bersifat komprehensif. Ketiga, kaedah pemfatwaan yang lebih dipercayai kerana mengambil kira faktor *wāqi'* yang menjadi instrumen penting dalam berfatwa.

Walau bagaimanapun, pengaplikasian empat '*awālim al-wāqi'* tersebut, menzahirkan metode Syeikh 'Alī Jum'ah yang tersendiri dalam kajian *wāqi'*. Ini menjadikan beliau sedikit berbeza dengan para sarjana lain dalam memahami realiti semasa seterusnya mungkin menatijahkan penentuan hukum yang berbeza. Justeru itu, pengkaji berpendapat, lebih banyak kajian dalam lapangan pemfatwaan ini, maka ia dapat mengukuhkan lagi konstruksi penyelidikan yang berparadigma Islam serta pada masa yang sama menatijahkan fatwa yang dikeluarkan lebih tepat dan telus bagi pengamalan umat Islam semasa.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim.

‘Alī Jum‘ah Muhammad, *al-Bayān limā Yashghil al-Adhhān*, vol. 1 (Qāhirah, Miṣr: Dār Muqattam, 2014M/1435H).

\_\_\_\_\_, ‘Apakah Hukum Insurans Takaful?’, *Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah*, <https://www.daralifta.org/ar/fataawa/11967/> %D8%A7%D9%84%D8%AA%D8%A7%D9%85%D9%8A%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%AA%D9%83%D8%A7%D9%81%D9%84%D9%8A, diakses 10 Julai 2024.

\_\_\_\_\_, ‘al-Iftā’ Haqīqatuhu wa Adābuhu wa Marāḥiluhu’, (Kertas Kerja Mu’tamar al-Fatwā wa Dawābituhā, Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, Makkah, ‘Arab Sa‘ūdī, 17-21 Januari 2009); <https://www.draligomaa.com/index.php/%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%83%D8%AA%D8%A8%D8%A9/%D9%85%D9%82%D8%A7%D9%84%D8%A7%D8%AA/%D8%A7%D9%84%D9%88%D9%81%D8%AF/item/805-%D9%85%D8%B1%D8%A7%D8%AD%D9%84-%D8%B5%D9%8A%D8%A7%D8%BA%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%AA%D9%88%D9%89>, diakses 25 September 2022.

\_\_\_\_\_, *al-Kalim al-Tayyib: Fatāwā ‘Aṣriyyah*, cet. 5, vol. 1 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 1434H/2013M)

\_\_\_\_\_, *al-Kalim al-Tayyib: Fatāwā ‘Aṣriyyah*, cet. 2, vol. 2 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 1431H/2010M).

\_\_\_\_\_, *al-Madkhāl ilā Dirāsah al-Madhāhib al-Fiqhīyyah*, cet. 4 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 1433H/2012).

\_\_\_\_\_, *al-Tarīq ilā al-Turāth al-Islāmī: Muqaddimāt Ma‘rifiyah wa Madākhil Manhajiyah* (Jīzah, Miṣr: Dār Nahḍah Miṣr, Jan 2014).

\_\_\_\_\_, *Mukawwināt al-‘Aql al-Muslim wa Darajāt al-Ma‘rifah* (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Wābil al-Şoyib, 1438H/2017M).

\_\_\_\_\_, *Simāt al-‘Aṣr; Ru’yah Muhtam*, cet. 1 (Qāhirah: Dār al-Fārūq, 2006).

\_\_\_\_\_, *Şinā‘ah al-Iftā’* (Qāhirah, Miṣr: Dār Nahḍah Miṣr, 2008).

- Al-Amidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 1 (Riyāḍ, Sa‘ūdī: Dār al-Samī’i, 1424H/2003M).
- Azman Ab Rahman & Mohd Nasir Abdul Majid, ‘Kepentingan Usul Fiqh dalam Ijtihad dan Fatwa’, *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004* (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004).
- Al-Baghdādī al-Khaṭīb, *al-Faqīh wa al-Mutafaqqih* (Bayrūt, Lubnān: Dār Ibn Ḥazm, 2003).
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin Ḥusayn, *Sunan al-Kubrā*, vol. 6 (Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Bāz, 1994).
- Al-Bājūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad, *Hāshiyah al-Bājūrī ‘alā Fatḥ al-Qarīb al-Mujīb*, vol. 1 (Jakarta, Indonesia: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 2007).
- Al-Buhūtī, Maṇṣūr bin Yūnus, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt al-Musammā Daqā'iq Ūlī al-Nuḥā li Sharḥ al-Muntahā*, vol. 3 (Bayrūt, Lubnān: Mū'assasah al-Risālah Nāshirūn, 1421H/2000M).
- Dr Ali Gomaa, ‘Kalimah A D ‘Alī Jum‘ah Khilāl fa ‘Āliyāt Mu’tamar “Dawr al-Fatwā fī Istiqrār al-Mujtami‘āt”’, *YouTube*, <https://www.youtube.com/watch?v=3a8Fq-bL3sc>, diakses 14 November 2019M.
- Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr* (Qāhirah, Miṣr: Mū'assasah al-Mukhtār, 2008).
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, vol. 1 (Bayrūt, Lubnān: Mū'assasah al-Risālah Nāshirūn, 1436H/2015M).
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi 'īn*, vol. 4 (Qāhirah, Miṣr: Maṭba‘ah al-Nahḍah al-Jadīdah, 1968).
- Ibn al-Qayyim, *I'lām al-Muwaqqi 'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, vol. 1 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Jīl, 1973).
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram, *Lisān al-'Arab*, vol. 15 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Šādir, 1968).
- Ibnu Elmi A.S. Pelu, ‘Kedudukan Fatwa Dalam Konstruksi Hukum Islam’, *El-Maslahah Journal*, vol. 9/2 (2019).
- Idārah al-Abhāth al-Shar‘iyyah, *Dawābiṭ al-Ikhtiyār al-Faqhī ‘inda al-Nawāzil* (Qahirah, Misr: Maṭba‘ah Dār al-Kutub wa al-Wathā'iq al-Qawmiyyah, 1434H/2013M).

- Al-Isnawī, Jamāl al-Dīn, *Nihāyah al-Sūl fī Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl ilā ‘Ilm al-Uṣūl*, vol. 1 (Bayrūt, Lubnān: Dār Ibn Ḥazm, 1420H/1999M).
- Al-Isnawī, ‘Abd al-Raḥīm bin al-Ḥasan, *al-Tamhīd fī Takhrīj al-Furū‘ alā al-Uṣūl*, cet. 5 (Bayrūt, Lubnān: Mū’assasah al-Risālah Nāshirūn, 1434H/2013M).
- Khoirizi H Dasir, ‘Qathī dan Zannī al-Qur’ān dan al-Sunnah Dalam Proses Pengembangan Dakwah’, *At-Tamkin: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, vol. 3/3 (2018).
- KH Ma’ruf Amin, *Fatwa dalam Sistem Hukum Islam* (Jakarta, Indonesia: elSAS Jakarta, 2008).
- Al-Malāh, Sheikh Ḥusayn Muḥammad, *al-Fatwā: Nash’atuhā wa Taṭawuruhā Uṣūluhā wa Taṭbīqatuhā* (Bayrūt, Lubnān: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2009).
- Mohamed Abdelaziz Mahmoud Ghonim, ‘Usus al-Fatwa wa Marahiluha bi Mafhum ‘Aṣri’ (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).
- Muhammad ibn ‘Abd al-Laṭīf Maḥmūd al-Bannā, *Taṣwīr al-Nāzilah Dirāsaḥ Fiqhīyyah Taṭbīqīyyah* (Riyāḍ: Jāmi‘ah Muḥammad ibn Sa‘ūd al-Islāmiyyah, 2010).
- Muhammad ‘Uthmān Shībīr, *al-Takyīf al-Fiqhī lil Waqā‘i‘ al-Mustajaddah wa Taṭbīqātuhu al-Fiqhīyyah*, cet. 2 (Dimashq: Dār al-Qalam, 2014M/1435H).
- Al-Nawawī, Muhyī al-Dīn Zakariyyā ibn Yaḥyā, *al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhab* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1988).
- Noor Naemah Abdul Rahman, ‘al-Marāhil allatī Tamurru bihā al-Fatāwā’, *Jurnal al-Risalah*, vol. 15/1 (2008).
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fatwā Mu‘āṣirah* (Bayrūt, Lubnān: al-Maktab al-Islāmī, 2000).
- \_\_\_\_\_, *Madkhal li Dirāsaḥ al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Qāhirah, Miṣr: Maktabah Wahbah, 2005).
- Al-Qarāfi, *al-Furūq: Anwār al-Burūq fī Anwār’ al-Furūq*, cet. 1, vol. 4 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 1421H/2001M).
- Al-Qūnawī al-Ḥanafī, Qāsim bin ‘Abd Allāh, *Anīs al-Fuqahā’ fī Ta‘rīfāt al-Alfāz al-Mutadāwilah bayn al-Fuqahā’*, cet. 1 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004M/1424H).

- Al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn, *al-Maḥṣūl fī ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, cet. 1 (Qāhirah, Miṣr: Dār al-Salām, 2011).
- Al-Sibā‘ī, Muṣṭafā, *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tashrī‘ al-Islāmī* (Dimashq, Sūriyā: al-Maktab al-Islāmī, 1978).
- Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs, *Musnad al-Imām al-Shāfi‘ī* (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2015).
- Al-Shawkānī, *Irshād al-Fuhūl ilā Taḥqīq al-Haqq min ‘Ilm al-Uṣūl*, cet. 4 (Bayrūt, Lubnān: Dār Ibn Kathīr, 1432H/2011M).
- Al-Subkī, Taqī al-Dīn ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfī, *Fatāwā al-Subkī*, vol. 2 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Ma‘rifah, t.t.).
- Al-Suyūtī, ‘Abd al-Raḥman bin Abū Bakr, *al-Rad ‘alā man Akhlada ilā al-Arq wa Jahila Anna al-Ijtihād fī Kulli ‘Aṣr Fard*, cet. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983).
- Taqī al-‘Uthmānī, Muḥammad, *Uṣūl al-Iftā’ wa Adābuhu* (Karātishī, Bākistān: Maktabah Ma‘ārif al-Qur’ān, 1432H/2011M).
- The Royal aal al-Bayt Institute for Islamic Thought, *The Muslim 500: The World’s 500 Most Influential Muslim 2023* (Amman: The Institute, 2022).
- T.p., ‘Ma’ruf Amin’, *Wikipedia*, [https://id.wikipedia.org/wiki/Maruf\\_Amin](https://id.wikipedia.org/wiki/Maruf_Amin), diakses 29 Januari 2023.
- Usāmah al-Sayyid Maḥmūd al-Azharī, *Mishkāh al-Uṣūliyyīn wa al-Fuqahā’*, cet. 1 (t.t: Dār al-Faqīh, 1434H/2013M).
- Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, cet. 1, vol. 2 (Dimashq, Sūriyah: Dār al-Fikr, 1406H/1986M).
- Wan Mohd Khairul Firdaus Bin Wan Khairuldin, Metode Fatwa Sheikh ‘Ali Jum‘ah Dalam Kitab al-Kalim al-Tayyib-Fatawa ‘Asriyyah (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).
- Al-Zarkashī, Muḥammad bin Bahādur bin ‘Abd Allāh, *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, cet. 2, vol. 1 (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1413H/1992M).